



Siaran **AKHBAR**

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 () 01/11

MENTERI PERTAHANAN DIBERI TAKLIMAT SITUASI SEMASA PERAJURIT NEGARA DI BUMI LUBNAN

KUALA LUMPUR, 1 November 2023 – Menteri Pertahanan Malaysia (MENHAN), YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan telah mengadakan pertemuan menerusi sidang video bersama-sama Komander Malbatt 850-10, Kolonel Mohd Rizman bin Hj Ramli dan warga MALBATT 850-10 di Lubnan. Sidang tersebut yang diadakan lewat petang semalam bertujuan untuk mendengar taklimat serta mendapatkan gambaran tentang situasi semasa di Lubnan.

Pada sesi tersebut, Menteri Pertahanan memaklumkan bahawa beliau sentiasa memantau perkembangan pasukan MALBATT 850-10 walaupun tidak berkesempatan untuk mengadakan tinjauan kerja di lokasi penugasan MALBATT 850-10. Melalui taklimat dan perkembangan semasa, Menteri Pertahanan memaklumkan, beliau sentiasa mendapat laporan dan berita yang membanggakan dari pasukan 850-10 dengan pencapaian dan kepimpinan yang berkesan. Beliau mengucapkan tahniah dan menzahirkan perasaan bangga terhadap pasukan negara yang bertugas di sana dan berharap anggota sentiasa bersemangat tinggi. Beliau turut mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang turut bersama pasukan MALBATT 850.

Berdasarkan situasi semasa di sana juga, Menteri Pertahanan turut mengingatkan agar anggota sentiasa bersiap sedia dan berwaspada semasa bertugas serta memastikan keselamatan keseluruhan pasukan berada di tahap terbaik. Beliau turut menyarankan anggota untuk sentiasa melaksanakan tugas mengikut segala perintah dan panduan yang digariskan oleh *United Nations Interim Force in Lebanon* (UNIFIL) serta pucuk pimpinan dari semasa ke semasa.

Turut hadir pada sesi tersebut adalah Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Mohammad bin Ab Rahman, Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia, Leftenan Jeneral Datuk Arman Rumaizi bin Hj Ahmad dan Panglima Angkatan Bersama, Leftenan Jeneral Dato' Noor Mohamad Akmar bin Mohd Dom TUDM.

- TAMAT -

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan

Dikeluarkan pada 1 November 2023